



LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN  
PERDAGANGAN SABAH

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2022 - 2026

## KANDUNGAN

### PRAKATA

#### Perutusan Pengarah LPKP Sabah Ringkasan Eksekutif

### BAB 1

#### PENGENALAN

- 1.1 Latar Belakang
- 1.2 Misi
- 1.3 Visi
- 1.4 Teras Strategi
- 1.5 Bidang Kuasa dan Fungsi

### BAB 2

#### ISU DAN CABARAN

- 2.1 Isu dan Cabaran Menangani Rasuah
- 2.2 Pembangunan Pelan OACP LPKP Sabah
- 2.3 Analisis Data

### BAB 3

#### MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- 3.1 Kerangka Utama OACP LPKP Sabah
- 3.2 Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko
- 3.3 Ringkasan Kerangka OACP JPA 2022 – 2026
- 3.4 Pelan Tindakan OACP JPA

### BAB 4

#### TADBIR URUS OACP LPKP SABAH

- 4.1 Mekanisme Pelaksanaan
- 4.2 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian

### BAB 5

#### KESIMPULAN



# **PERUTUSAN PENGARAH**



**ENCIK DAIRIN UNSIR**  
**Pengarah**  
**Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah**

Salam Sejahtera

Pertama sekali saya berasa sangat bersyukur kerana Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisation Anti-Corruption Plan (OACP)* LPKP Sabah 2022 – 2026 telah berjaya disempunakan. Plan ini dibangunkan dengan kerjasama dan komitmen seluruh warga LPKP Sabah.

Pembangunan pelan ini akan menjadi sumber rujukan utama jabatan dalam menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Ianya juga sebagai komitmen jabatan untuk memastikan suasana kerja di Jabatan adalah harmoni dan bebas daripada unsur-unsur negatif yang boleh menyumbang kepada gejala rasuah dan integriti dalam jabatan.

Oleh yang demikian , saya berharap kerjasama dan komitmen secara holistik dari semua pihak sudah semestinya amat diperlukan bagi memastikan hala tuju OACP LPKP Sabah ini mencapai matlamatnya.

Akhir sekali, syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisation Anti-Corruption Plan (OACP)* LPKP Sabah 2022 – 2026.



# **RINGKASAN EKSEKUTIF**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah 2022 – 2026 merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Pelan ini dibangunkan selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan, Syarikat Terhad Dengan Jaminan dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan OACP.

OACP LPKP Sabah 2022 – 2026 telah dibangunkan hasil daripada komitmen dan kerja keras Jawatankuasa Pembangunan OACP LPKP Sabah yang telah dilantik serta kerjasama daripada seluruh warga LPKP Sabah. Dokumen ini menggariskan tiga (3) strategi utama dalam menangani isu integrity, governans dan juga rasuah dalam organisasi. Tiga (3) bidang utama yang dikenalpasti adalah tadbir urus, pengurusan kewangan dan perolehan dan pembangunan sumber manusia.



# **BAB 1**

# **PENGENALAN**

## BAB 1 :PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang


Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta LPKP 1987 (Akta 334) bertujuan untuk melaksana dan menguatkuasa akta tersebut serta kaedah-kaedah yang telah diperuntukkan di bawahnya mengenai pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Pada tahun 2018, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak telah diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia dan menguatkuasakan Akta LPKP 1987 (Akta 334) setelah diserahkan oleh Jabatan Perdana Menteri.





Ibu pejabat LPKP Sabah terletak di **Kota Kinabalu**, manakala, dua (2) pejabat cawangan terletak di **Tawau** dan **Sandakan**.



## 1.2 Visi

“Peneraju Transformasi Perkhidmatan Kenderaan Perdagangan Bertaraf Dunia”

## 1.3 Misi & Objektif

### Misi

“Memastikan Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Berdaya Saing Tinggi, Telus, Berintegriti Dan Bersepadu”

## Objektif

- ✓ Merancang dan mewujudkan dasar dan syarat-syarat pelesenan kenderaan perdagangan.
- ✓ Melaksana dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.
- ✓ Menggalakkan pelanggan yang berpotensi untuk berlesen dengan LPKP.
- ✓ Memantau dan menilai impak pelaksanaan dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan.
- ✓ Mempertimbangkan dan meluluskan permohonan baharu, membaharui dan ubah syarat lesen kenderaan perdagangan berasaskan keperluan semasa.
- ✓ Menguatkuasakan peruntukan undang-undang di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan kaedah-kaedah berkenaan.
- ✓ Memantau pematuhan undang-undang oleh pengusaha kenderaan perdagangan.
- ✓ Menyelesaikan aduan masyarakat terhadap perkhidmatan kenderaan perdagangan.
- ✓ Meningkatkan aspek-aspek keselamatan, keselesaan dan keceriaan pengangkutan awam

#### 1.4 Teras Strategi

- Mewujudkan peluang perniagaan melalui pemberian lesen kenderaan perdagangan kepada organisasi atau individu yang berkelayakan dan berminat dalam bidang ini.
- Memberi latihan dan khidmat nasihat kepada pengusaha kenderaan perdagangan melalui kursus dan dialog bagi mengembangkan budaya keusahawanan dan meningkatkan kefahaman mereka tentang dasar serta peraturan baru LPKP.
- Mewujudkan dasar dan peraturan baru bagi melindungi hak dan kepentingan pengusaha serta pengguna.
- Mewujudkan suasana yang kondusif bagi melahirkan usahawan berdaya saing supaya kekal dan lebih kreatif dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan.

#### 1.5 Bidang Kuasa Dan Fungsi

Bidang kuasa dan fungsi LPKP Sabah dan Sarawak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) adalah seperti berikut;

- ❖ Menimbang dan meluluskan permohonan untuk mendapatkan lesen baru, membaharui dan ubahsyarat bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan di seluruh negeri Sabah dan Sarawak masing-masing;
- ❖ Mengenakan syarat-syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan yang meliputi penetapan kadar tambang, penentuan peringkat tambang, jadual perjalanan, bilangan penumpang, kawasan operasi, berat dan jenis barang-barang, hal-hal pengendalian dan syarat-syarat khas yang lain;

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI LPKP SABAH 2022 - 2026

- ❖ Menggantung, membatalkan atau mengenakan apa-apa hukuman yang sesuai atas mana-mana kelas lesen kenderaan perdagangan yang disabitkan kesalahan melanggar syarat lesen atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) serta kaedah-kaedah yang diperbuat dibawahnya serta undang-undang lain yang berkuat kuasa;
- ❖ Menentukan tempoh kuatkuasa lesen bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan;
- ❖ LPKP Sabah: mengeluarkan semua lesen kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam untuk negeri Sabah dan lesen sementara ke atas kenderaan perdagangan dari Sarawak, Brunei dan Kalimantan (Indonesia) yang memasuki Sabah;
- ❖ LPKP Sarawak: melesenkan kenderaan perdagangan dari Sabah, Brunei, dan Kalimantan Barat Indonesia atau negara lain yang dibenarkan beroperasi di Sarawak;
- ❖ Membuat kajian laluan baru sebelum memberi pertimbangan ke atas permohonan untuk mendapatkan lesen bas bagi laluan-laluan yang dipohon;
- ❖ Mengumpul rekod, penyata kewangan, statistik atau dokumen lain berhubung perniagaan pemegang lesen kenderaan perdagangan;
- ❖ Menentukan prosedur permohonan, memproses dan menimbang permohonan lesen, mengenakan bayaran, menetapkan penalti dan menentukan tanda pengenalan kepada kenderaan perdagangan;
- ❖ Melaksanakan tugas-tugas yang berhubung dengan penguatkuasaan ke atas syarat-syarat lesen kenderaan perdagangan.



# **BAB 2**

# **ISU DAN CABARAN**

## **BAB 2 : ISU DAN CABARAN**

### **2.1 Isu Dan Cabaran Menangani Rasuah**

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International adalah indeks untuk mengukur persepsi masyarakat terhadap kadar rasuah di dalam sector awam. Daripada data yang dikeluarkan bagi tahun 2021, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) telah merosot ke kedudukan 62 berbanding 57 pada tahun 2020 dengan skor sebanyak 48. Di kalangan negara ASEAN, Malaysia berada di kedudukan kedua selepas Singapura yang berada di kedudukan keempat dunia dgn skor 85.

Merujuk kepada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023, empat punca utama berlaku amalan rasuah di dalam organisasi adalah seperti berikut :

2.1.1 Kegagalan pentadbiran (manipulasi terhadap system dan prosedur)

2.1.2 Konflik kepentingan (kuasa budibicara, kuasa mutlak dan campur tangan politik)

2.1.3 Kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan

2.1.4 Kurang ketelusan

LPKP Sabah merupakan jabatan yang kecil dengan waran perjawatan sebanyak 74 dan daripada jumlah tersebut sebanyak 62 perjawatan telah diisi. Walau bagaimanapun, terdapat kebarangkalian untuk berlakunya rasuah di jabatan ini memandangkan fungsi utama jabatan ini melibatkan permohonan lesen dan orang awam. Sehubungan itu, ianya merupakan satu cabaran untuk memastikan jabatan bebas daripada isu-isu yang melibatkan integrity, governans dan juga rasuah.

## 2.2 Pembangunan Pelan OACP LPKP Sabah

Pembangunan Pelan OACP LPKP Sabah melibatkan pengumpulan pelbagai data dan maklumat yang telah dianalisa bagi menentukan risiko dan bidang-bidang yang perlu diberikan tumpuan oleh setiap Bahagian / Unit dan Cawangan dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan.

LPKP Sabah telah mengenalpasti Corruption Risk Management (CRM) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di LPKP Sabah yang boleh menjejaskan mutu penyampaian perkhidmatan jabatan serta imej organisasi.

Dalam mencapai matlamat dan tujuan tersebut, berikut merupakan mekanisme yang telah dilaksanakan:

### ◆ **Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)**

LPKP Sabah telah menyertai Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) pada 21 hingga 24 Mac 2022 anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Seramai empat (4) orang pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional serta seorang kakitangan pelaksana telah hadir bagi menjayakan objektif bengkel tersebut.

### ◆ **Pengemaskinian dan Pengukuhan hasil dapatan risiko-risiko governans, integriti dan anti rasuah semasa**

Sesi Perbincangan Penyediaan Draf Strategi dan Pemurnian OACP Bersama semua bahagian, unit dan cawangan telah dilaksanakan pada **24 November 2022** bagi memastikan setiap inisiatif tersebut mencapai objektif OACP yang telah disasarkan.



- ◆ Data-Data dalaman organisasi seperti laporan audit, SPAN, laporan aduan, Kes Tatatertib, Kaji Selidik Rasuah, Governan dan Integriti kepada warga LPKP Sabah
- ◆ Data-data daripada agensi luar seperti SPRM dan Biro Pengaduan Awam (BPA)

### 2.3 Analisis Data

Pelbagai sumber data dan maklumat telah diberi perhatian dalam usaha mengenal pasti risiko-risiko berkaitan tadbir urus, integrity dan rasuah di LPKP Sabah. Pengumpulan data-data tersebut adalah penting bagi memasihkan prestasi jabatan sentiasa berada di tahap terbaik dari segi penyampaian perkhidmatan dan imej organisasi.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) LPKP Sabah telah menganalisa beberapa data yang berkaitan (sumber



dalam dan luaran) bagi membantu usaha mengenal pasti risiko-risiko yang berupaya menyumbang ke arah kelemahan, tadbir urus, integrity dan rasuah. Data-data yang dikaji diperolehi daripada Laporan Audit Dalam Kementerian Pengangkutan Malaysia, Laporan Kes Tatatertib LPKP Sabah, Maklumat Adian SPRM, Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai JPA tahun 2020 serta dapatan Kaji Selidik Rasuah, Governan dan Integriti kepada warga LPKP Sabah.

Hasil daripada kajian dan analisis tersebut, risiko dalam dan luaran telah dikenalpasti bagi menentukan sebarang bentuk ancaman dan peluang yang berpotensi yang menyebabkan berlakunya pelakuan salah laku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan warga LPKP Sabah. Pelan tindakan penambahbaikan telah diwujudkan bagi pemantapan program untuk mengurangkan risiko rasuah, integrity dan tadbir urus dalam kalangan warga LPKP Sabah.

Semakan semula dan penilaian risiko semasa akan sentiasa dikaji agar strategi yang dirancang adalah selari dengan objektif dan keperluan semasa.

### **Laporan Tatatertib Warga LPKP Sabah**

Berdasarkan laporan tindakan tatatertib warga bagi tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2018– 2022, sebanyak satu (1) kes yang dikenakan tindakan tatatertib. Kes ini melibatkan rasuah dan pegawai telah dikenakan tindakan buang kerja pada tahun 2021.

## Laporan SPRM berkaitan LPKP Sabah

Terdapat dua (2) laporan berkaitan salah laku rasuah terhadap LPKP Sabah yang diterima oleh SPRM bagi tempoh 2017 hingga 2019. Terdapat dua (2) maklumat telah direkodkan di mana hanya satu (1) kertas siasatan yang dibuka melibatkan LPKP Sabah dan telah disabitkan kesalahan.

Berikut merupakan Statistik Laporan SPRM bagi tempoh 2017 – 2019

Tahun	Maklumat	Kertas Siasatan	Tangkapan	Pertuduhan	Sabitkan
2017	1	1	1	1	1
2019	1	0	0	0	0

### Pembantu tadbir LPKP dipenjara sehari, denda RM5,000 kerana rasuah

Mohd Izham Unnij Abdullah - Oktober 2, 2019 @ 6:42pm  
thaddius@bh.com.my



PEMBANTU tadbir Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Kota Kinabalu Roslan Bior (kanan) keluar dari Mahkamah Kota Kinabalu hari ini, setelah dijatuhi hukuman penjara sehari dan denda RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen atas pertuduhan menerima suapan wang tunai RM1,290 pada Januari 2017. - Foto BERNAMA

### Laporan Audit Dalam LPKP Sabah

Pada tahun 2019, pasukan Audit Dalam Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mengadakan audit di LPKP Sabah. Hasil daripada audit berkenaan, terdapat beberapa teguran yang perlu diambil perhatian. Tindakan juga telah diambil untuk mematuhi semua teguran yang telah dibuat. Berikut merupakan empat (4) teguran melibatkan isu governans:




### Laporan Aduan Warga LPKP Sabah.

Berdasarkan laporan daripada Unit Komunikasi korporat, terhadap 1 aduan berkenaan ketidakpuasan pelanggan terhadap perkhidmatan kaunter LPKP Sabah. Walau bagaimanapun, tiada aduan berkenaan isu-isu integriti melibatkan warga LPKP Sabah.

### Laporan SPAN LPKP Sabah

Berdasarkan Laporan SPAN 2021, LPKP Sabah mempunyai kesedaran dan penghayatan nilai-nilai murni. Namun tahap pengamalan masih pada tahap yang memuaskan. agensi perlu meningkatkan tahap pengamalan nilai-nilai murni supaya dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Berikut merupakan skor peratusan yang diperolehi mengikut 4 kategori utama di bawah penilaian SPAN.





**BAB 3**  
**MEMPERKASA**  
**USAHA**  
**PENCEGAHAN**  
**RASUAH**

### BAB 3 : MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

#### 3.1 Kerangka Utama OACP LPKP Sabah



#### Bidang Keutamaan



#### Strategi



3.2 Ringkasan Kerangka OACP LPKP Sabah 2022 – 2026



### 3.3 STRATEGI DAN OBJEKTIF STRATEGIK

<b>STRATEGI 1</b> Memperkasakan budaya kerja berintegriti di kalangan pegawai-pegawai LPKP.
<b>OBJEKTIF STRATEGIK:</b> 1.1 Menjadikan Warga LPKP yang berintegriti dan bebas rasuah.
<b>STRATEGI 2</b> Memperkuhkan ketelusan dan integriti dalam prosedur pemprosesan permohonan oleh pelanggan di LPKP
<b>OBJEKTIF STRATEGIK:</b> 2.1 Menjadikan proses kerja bagi pelesenan lebih mudah dan lebih terkawal.
<b>STRATEGI 3</b> Mempertingkatkan Tahap Keselamatan Dokumen Terkawal
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b> 3.1 Mewujudkan ruang kerja yang kondusif serta terkawal
<b>STRATEGI 4</b> Merekayasa Pengurusan Sumber Manusia LPKP Sabah
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b> 4.1 Memantapkan penstukturkan perjawatan yang kompeten dan berintegriti.
<b>STRATEGI 5</b> Memperkuhkan Efisiensi Pengurusan Perolehan
<b>OBJEKTIF STRATEGIK:</b> 5.1 Memantapkan Pengetahuan Berkaitan Proses Berkenaan Perolehan
<b>STRATEGI 6</b> Memperkasakan garis panduan pengurusan pelanggan bagi meningkatkan imej korporat jabatan
<b>OBJEKTIF STRATEGIK:</b> 6.1 Memastikan pegawai kaunter terlatih dalam mengendalikan pelanggan yang berurusan



### 3.4 Pelan Tindakan Oacp Lpkip Sabah

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN & PROFESIONALISME		
STRATEGI	1.0	Memperkasakan <b>budaya kerja</b> berintegriti di kalangan pegawai-pegawai LPKP.
OBJEKTIF STRATEGIK	1.1	Menjadikan Warga LPKP yang berintegriti dan bebas rasuah.

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.1.1	Melaksanakan program berkonsep kefahaman dan kesedaran kepentingan integriti kepada pegawai-pegawai LPKP.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun (2023 - 2028)
1.1.2	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0)	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun (2023 - 2028)

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN & PROFESIONALISME		
STRATEGI	2.0	Memperkuhkan ketelusan dan integriti dalam prosedur <b>pemprosesan permohonan</b> oleh pelanggan di LPKP
OBJEKTIF STRATEGIK	2.1	Menjadikan proses kerja bagi pelesenan lebih mudah dan lebih terkawal.

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.1.1	Menyemak dan menambahbaik proses kerja sedia ada.	Bahagian Polisi dan Perancangan	Setiap tahun (2023 - 2028)
2.1.2	Merutinkan aktiviti pemantauan bagi menutup ruang dan peluang terjadinya rasuah.	Bahagian Pelesenan	Setiap tahun (2023 - 2028)

BIDANG KEUTAMAAN : PELESENAN		
STRATEGI	3.0	Mempertingkatkan Tahap Keselamatan Dokumen Terkawal
OBJEKTIF STRATEGIK	3.1	Mewujudkan ruang kerja yang kondusif serta terkawal

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.1.1	Menyediakan ruang kerja yang hanya boleh diakses oleh pegawai yang diberikan tauliah dalam pengawalan semua dokumen terperingkat jabatan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun secara berkala (2023 - 2028)
3.1.2	Mempertingkatkan tahap prosedur/fasiliti kawalan dokumen keselamatan dan dokumen terperingkat bagi mengelakkan kebocoran maklumat	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun secara berkala (2023 - 2028)

BIDANG KEUTAMAAN :KHIDMAT PENGURUSAN		
STRATEGI	4.0	Merekayasa Pengurusan Sumber Manusia LPKP Sabah.
OBJEKTIF STRATEGIK	4.1	Memantapkan penstukturkan perjawatan yang kompeten dan berintegriti.

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.1.1	Membuat semakan keberkesanan dan keperluan waran perjawatan secara tahunan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun secara berkala (2023 - 2028)
4.1.2	Melaksanakan program berkonsep penguatkuasaan kepada arahan-arahan sedia ada berkenaan sumber manusia.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun secara berkala (2023 - 2028)

BIDANG KEUTAMAAN :KHIDMAT PENGURUSAN		
STRATEGI	5.0	Memperkukuhkan Efisiensi Pengurusan Perolehan
OBJEKTIF STRATEGIK	5.1	Memantapkan Pengetahuan Berkaitan Proses Berkenaan Perolehan

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
5.1.1	Mempraktikkan arahan pelaksanaan Integrity Pact dalam proses perolehan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun secara berkala (2023 - 2028)
5.1.2	Meningkatkan kekerapan seliaan terhadap proses perolehan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun secara berkala (2023 - 2028)

BIDANG KEUTAMAAN :KHIDMAT PELANGGAN		
STRATEGI	6.0	Memperkasakan <b>garis panduan</b> pengurusan pelanggan bagi meningkatkan imej korporat jabatan.
OBJEKTIF STRATEGIK	6.1	Memastikan pegawai kaunter terlatih dalam mengendalikan pelanggan yang berurusan

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
6.1.1	Melaksanakan Latihan kepada petugas kaunter LPKP Sabah	Unit Komunikasi Korporat	Setiap tahun secara berkala (2023 - 2028)



# **BAB 4 KAEDAH PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

## **BAB 4: KAEDAH PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

### **4.1 Mekanisme Pelaksanaan**

Bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan Pelan OACP jabatan berjalan lancar dan menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan, Bahagian Khidmat Pengurusan LPKP Sabah telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi urusetia bagi pelaksanaan dan pemantauan OACP jabatan.

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) LPKP Sabah akan menjadi platform utama yang akan menerima laporan, membincangkan dan membuat keputusan dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif OACP jabatan.

Oleh yang demikian, bagi memantapkan system pemantauan pelaksanaan Pelan OACP LPKP Sabah, keterlibatan dan kerjasama yang menyeluruh daripada pihak pengurusan, warga LPKP Sabah dan pelanggan adalah penting supaya inisiatif-inisiatif yang terdapat di dalam pelan dapat dicapai dan bergerak seiring dengan NACP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP LPKP Sabah hendaklah ditubuhkan dan melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

- i. Melaporkan status pelaksanaan OACP LPKP Sabah
- ii. Membincangkan isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di jabatan
- iii. Membentangkan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif antirasuah di bawah OACP sebanyak tiga (3) kali setahun di dalam Mesyuarat JAR jabatan
- iv. Mengenalpasti penyelesaian terbaik isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah
- v. Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi

### **4.2 Mekanisme Penyelarasan, pemantauan dan penilaian**

Penyelaras OACP Bahagian/Unit/ Cawangan perlu melaksanakan pemantauan seperti berikut:

- i. Membuat perbandingan pencapaian dengan sasaran
- ii. Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam Mesyuarat Pengurusan Bahagian/Unit
- iii. Menyediakan pelaporan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan pada setiap suku tahun

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI LPKP SABAH 2022 - 2026

Bahagian Khidmat Pengurusan selaku urus setia OACP LPKP Sabah perlu melaksanakan penyelarasan seperti berikut:

- i. Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP
- ii. Bahagian/Unit/Cawangan melalui JAR LPKP Sabah mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Unit Integriti

Penilaian terhadap keberkesanan OACP hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa yang bertujuan untuk:

- i. Menenalpasti kelemahan dan kekuatan pelan tindakan
- ii. Menilai samada pelan tindakan menyokong kea rah objektif yang ingin dicapai
- iii. Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang



# **BAB 5**

# **KESIMPULAN**

## KESIMPULAN

LPKP Sabah merupakan salah satu jabatan kecil di Negeri ini dengan perjawatan yang 63 jawatan yang diisi berbanding 74 waran perjawatan yang diluluskan setakat Disember 2022. Walau bagaimanapun, LPKP Sabah turut terdedah dengan ancaman rasuah dan penyelewengan melibatkan warga kerja lebih-lebih lagi LPKP Sabah terlibat secara langsung sebagai jabatan yang mengutip hasil melalui permohonan lesen di Negeri Sabah termasuk W.P Labuan.

OACP LPKP Sabah menggariskan pelan tindakan antirasuah bagi tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun untuk dilaksanakan. Berdasarkan kajian dan hasil dapatan penilaian semasa risiko secara menyeluruh, sebanyak sebelas (11) inisiatif telah digariskan dan akan diberikan keutamaan agar kelemahan dalam aspek integriti, governans dan rasuah dapat ditangani dengan sistematik. OACP LPKP Sabah bertindak sebagai kawalan dalaman yang memainkan peranan untuk memastikan risiko rasuah ditangani dengan berkesan.

Inisiatif OACP LPKP Sabah juga akan dipantau secara berterusan dengan penilaian setiap tahun akan diadakan. Komiten daripada semua warga LPKP Sabah adalah penting dalam memastikan semua inisiatif yang telah digariskan tercapai. Di samping itu, pembangunan OACP LPKP Sabah ini juga adalah merupakan komitmen penuh jabatan dalam menyokong usaha kerajaan untuk memantapkan tadbir urus, integriti, dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan seperti mana yang telah dinyatakan dalam NACP 2019 – 2023.

Sehubungan itu, dengan adanya OACP LPKP Sabah ini diharapkan bakal mewujudkan satu budaya kerja yang berintegriti, antirasuah dan beretika kepada warga LPKP Sabah khususnya. Komitmen yang tinggi dan menyeluruh daripada semua warga adalah sangat perlu untuk memberikan impak yang besar kepada penyampaian perkhidmatan jabatan.